

# BACAAN YASIN DAN TAHLIL SERTA KHUTBAH KHAS SOLAT JUMAAT SEMPENA HARI ATM KE-85

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3894-bacaan-yasin-dan-tahlil-serta-khutbah-khas-solat-jumaat-sempena-hari-atm-ke-85](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3894-bacaan-yasin-dan-tahlil-serta-khutbah-khas-solat-jumaat-sempena-hari-atm-ke-85)

KUALA LUMPUR, 14 Sept 18 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM turut hadir Majlis bacaan yasin dan tahlil serta khutbah khas solat jumaat sempena Hari ATM bertempat di Masjid Khalid Al-Walid, MINDEF Kuala Lumpur. Majlis dimulakan dengan bacaan yasin dan tahlil seterusnya khutbah khas solat jumaat sempena Hari ATM Ke-85 yang bertajuk 'Menjamin Kesucian Agama dan Kedaulatan Negara'. Ketubah tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera, Mejar Jeneral Dato' Haji Kamarudin bin Haji Mamat dan diakhiri dengan solat jumaat. ATM

Tanggal 16 Sep 18 pada tahun ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan menyambut hari ulang tahunnya yang menjangkau usia 85 tahun. Ia merupakan satu usia yang cukup dewasa bagi sebuah organisasi penting negara yang akan terus memikul dan menggalas tanggungjawab serta amanah dalam memastikan kedaulatan negara terus terpelihara daripada sebarang ancaman dan pencerobohan pihak musuh. Sehingga kini tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan oleh negara telah berjaya dipikul dengan penuh berwibawa. Dalam masa yang sama ATM telah menjadi sebuah organisasi yang disegani dan mampu melaksanakan tugas bukan sahaja di dalam negara tetapi juga dipersada antarabangsa.

Turut berangkat ke majlis ini Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-XV, Sultan Muhammad V, Panglima-panglima Perkhidmatan, Pegawai-pegawai Kanan ATM serta anggota Angkatan Tentera Malaysia di sekitar Lembah Kelang.



